

Langkah-langkah Memupuk Budaya Membaca di Kalangan Rakyat

Isu tentang budaya membaca di kalangan rakyat kerap menjadi bahan perbincangan di (1 _____) dan di kalangan pemimpin negara. Kurangnya minat membaca di kalangan rakyat merupakan isu yang serius dan boleh menjadi penghalang kepada kemajuan negara. Pada pendapat saya, budaya membaca yang masih rendah ini mesti diperbaiki kerana 'membaca merupakan jambatan ilmu'. Sikap malas membaca boleh membawa (2 _____) buruk terhadap mutu pendidikan dan taraf hidup rakyat. Terdapat beberapa langkah yang perlu (3 _____) dilaksanakan untuk memupuk budaya membaca di kalangan rakyat.

Ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting dalam membentuk budaya membaca di kalangan anak-anak. Tidak dapat dinafikan bahawa anak-anak mudah (4 _____) dengan suasana yang terdapat dalam keluarga. Oleh itu, ibu bapa hendaklah membelikan buku-buku bacaan dan memberi galakan kepada anak-anak untuk membaca. Jika ibu bapa mendapati anak-anak mereka sedang membaca buku sekolah, ibu bapa patut juga membaca pada masa itu. Anak-anak pasti akan lebih seronok membaca jika mereka melihat ibu bapa mereka juga turut sama membaca.

Selain ibu bapa, masyarakat juga boleh memainkan peranan penting dalam memupuk budaya membaca di kalangan rakyat. Masyarakat yang rajin membaca akan mempengaruhi generasi muda untuk turut membaca. Di kebanyakan negeri dan daerah ada (5 _____) perpustakaan awam yang membolehkan masyarakat

meminjam buku untuk dijadikan bahan bacaan harian

di rumah atau semasa ada waktu (6 _____). Sikap suka membaca semasa menunggu kenderaan atau semasa di dalam kenderaan awam merupakan sikap yang baik. Jika masyarakat dapat menunjukkan sikap suka membaca, pasti rakyat Malaysia akan menjadi lebih berilmu dan (7 _____).

Peranan Kementerian Pelajaran dalam usaha memupuk budaya membaca di kalangan rakyat tidak dapat (8 _____). Contohnya, sistem peperiksaan yang terdapat di negara kita secara tidak langsung telah dapat (9 _____) minat membaca di kalangan pelajar. Dalam pada itu Kementerian Pelajaran juga telah menambah peruntukan untuk membeli buku-buku perpustakaan sekolah. Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran juga telah (10 _____) Program Nilam yang dapat mendorong pelajar untuk terus membaca dengan cara memberikan sijil penghargaan kepada pelajar yang banyak membaca. Sepatutnya budaya membaca di sekolah ini patut diteruskan oleh pelajar dan dijadikan budaya hidup mereka.

Pihak media massa juga boleh memainkan peranan dalam mewujudkan budaya membaca di kalangan rakyat. Hal ini demikian kerana media massa berupaya untuk mempengaruhi rakyat dalam melakukan sesuatu perkara secara langsung atau tidak langsung. Pihak media massa elektronik seperti televisyen dan radio boleh menjalankan kempen membaca di kalangan rakyat. Kempen ini hendaklah dibuat secara (11 _____). Pada masa yang sama pihak media cetak dapat (12 _____) bahan bacaan yang bermutu dengan harga yang berpatutan.

Dalam kajian yang dibuat didapati antara sebab rakyat di Malaysia kurang membaca ialah kerana bahan bacaan yang kurang bermutu dan harganya mahal.

Selain itu, pihak kerajaan juga perlu memainkan peranan untuk memupuk budaya membaca di kalangan rakyat. Contohnya, pihak kerajaan melalui kementerian tertentu boleh melaksanakan program-program yang dapat mendorong rakyat untuk membaca. Di samping itu, kerajaan juga boleh (13_____) rakyat untuk menghasilkan bahan bacaan yang bermutu. Kerajaan juga perlu membanyakkan lagi perkhidmatan perpustakaan bergerak di seluruh negara. Ceramah motivasi juga patut diberikan kepada golongan rakyat tertentu agar mereka (14_____) tentang kepentingan budaya membaca dalam kehidupan.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa banyak langkah yang boleh dibuat dalam memupuk budaya membaca di kalangan rakyat. Pada pendapat saya, amalan budaya membaca ini perlu (15_____)dipertingkatkan lagi di kalangan rakyat. Kempen-kempen yang pelbagai bentuk patut dibuat dan dilaksanakan secara sistematik. Usaha membudayakan masyarakat dengan tabiat membaca ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Jika semua pihak serius dalam mencapai matlamat membudayakan tabiat membaca, saya pasti Malaysia akan menjadi negara yang maju pada masa hadapan.

terluang 1	terpengaruh 2	perpustakaan awam 3	menerbitkan 4	impian 5
dilaksanakan 6	mendorong 7	media massa 8	menyebarkan 9	berterusan 10
menggalakan 11	cemerlang 12	dipertingkatkan 13	disanggul 14	mewujudkan 15